

Daim: PM sudah buat keputusan

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Mahathir Mohamad sudah membuat keputusan mengenai hasrat Menteri Kewangan, Datuk Paduka Daim Zainuddin untuk meletakkan jawatan sebagai anggota Kabinet.

Bagaimanapun, Perdana Menteri enggan mengumumkan keputusannya itu dan berkata ia akan diumumkan apabila tiba masa yang sesuai.

"Saya sudah membuat keputusan dan saya akan mengumumkannya nanti," katanya dalam satu sidang akhbar di pejabatnya mengenai kenaikan awal gaji kakitangan perkhidmatan awam di sini hari ini.

Ditanya sama ada menteri kewangan baru akan dilantik, beliau berkata, kerajaan tentu perlu berbuat demikian jika ada kekosongan jawatan itu.

"Jika tiada Menteri Kewangan, kita kena melantik yang lain," katanya.

Mengenai penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian, Datuk Seri Rafidah Aziz sudah dihantar ke negara-negara anggota Asean untuk menjayakan usaha itu.

Katanya, Malaysia menerima reaksi positif dari Singapura, Thailand dan Filipina berhubung penubuhan kumpulan ekonomi itu.

"Brunei Darussalam juga menunjukkan sikap positif apabila Sultan Brunei menjawab surat saya mengalu-alukan kedatangan Datuk Seri Rafidah untuk berbincang dengan menteri yang bertanggungjawab terhadap perdagangan," katanya.

Menurutnya, matlamat utama kerajaan ialah untuk mendapatkan sokongan serta persetujuan negara Asean dan jika perlu, ia akan dibincangkan di peringkat menteri.